

# Pengajian MBA di AeU

**BERTERASKAN** situasi pasaran global yang semakin pesat berkembang dan kemunculan pasaran Asia sebagai kuasa ekonomi dunia, Asia e University (AeU) mengambil pendekatan menawarkan program pengajian Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) secara sepenuh masa dan separuh masa.

Usaha itu bagi membolehkan golongan profesional dan ahli-ahli perniagaan mempertingkatkan ilmu perniagaan dan industri selain kemahiran pengurusan yang dapat membantu menjamin kejayaan untuk organisasi. Oleh itu, program MBA ini menggabungkan latihan terbaik dalam perniagaan menerusi skop global dan turut memfokuskan kepada wilayah Asia yang dinamis.

Program yang ditawarkan oleh Sekolah Pengurusan, AeU ini mempunyai tujuh pengkhususan iaitu Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan, Pengurusan Risiko, Pengurusan Rantai Bekalan, Kewangan & Perbankan Islam, Takaful dan Pengurusan Pelancongan.

Matlamat utama program MBA ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan dalam menangani cabaran di tempat kerja yang semakin kompetitif.

Melaluinya, pelajar akan memperoleh pengetahuan perniagaan daripada perspektif global yang digarap dengan kajian mendalam tentang kuasa-kuasa ekonomi Asia. Mereka juga akan mempelajari kemahiran analitikal yang penting serta relevan kepada amalan perniagaan kontemporari sehingga mampu membangunkan kaedah untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut dengan realistik.

Selain itu, para pelajar juga didedahkan kepada teknik-teknik untuk menghubungkan-kait secara holistik trend pasaran dan impaknya ke atas perniagaan semasa.

"Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh ekonomi global, negara-negara di Asia dijangka mampu ber-



**PROF. DR. JUHARY ALI**

tahan malah berupaya muncul sebagai wilayah pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Oleh yang demikian, AeU - sebagai peneraju dalam pendidikan jarak jauh di Asia, adalah destinasi ideal bagi para pelajar untuk menimba ilmu dan kemahiran perniagaan yang menjurus kepada benua ini.

"Program MBA di AeU menjanjikan pendekatan mendalam tentang perniagaan di Asia berorientasikan perspektif global," kata Dekan Sekolah Pengurusan, Prof. Dr. Juhary Ali.

Untuk program MBA, bagi pengajian sepenuh masa, para pelajar boleh menamatkan program dalam tempoh 12 bulan sementara pengajian separuh masa memerlukan jangka masa 18 bulan.

Kelas-kelas bagi kedua-dua mod pengajian ini hanya dijalankan di hujung minggu, menjadikan ia amat ideal bagi golongan bekerja. Program ini menggunakan kaedah pembelajaran teradun; iaitu kombinasi pembelajaran bersemuka dan juga pembelajaran interaktif secara atas talian.

## ▶ INFO

PENDAFTARAN pengajian dilakukan tiga kali setahun iaitu bagi sesi bulan Januari, Mei dan September. Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian di [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my) atau hubungi AeU di talian bebas tol 1 300 300 238.